

Pengajaran Hadis 40 hanya untuk pelajar Islam - PM

Oleh **KHAIRUL MOHD ALI**
utusannews@mediamulia.com.my

ISKANDAR PUTERI: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu masyarakat bukan Islam di negara ini memahami kepentingan pelaksanaan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di semua sekolah kerana ia hanya untuk pelajar Islam

Menurut Perdana Menteri, perkara itu berkait secara langsung dengan kestabilan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama, khususnya pada masa depan.

“Pengajaran 40 hadis ulama itu sebagai asas untuk orang Islam terutamanya anak muda, ia penting bagi mereka kuasai dan fahami Islam, jadi jangan salah faham sebab kita bukan paksa (murid) bukan Islam.

“Kedua, kalau ilmu setakat yang ada sekarang, jadi orang ingat tindakan maki hamun, cerca dan fitnah itu dianggap sebagai sebahagian daripada Islam. Sebab itu penyelesaian adalah mendalami ilmu Islam yang bersandar kepada al-Quran dan kupasan ulama muktabar,” kata beliau pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Malaysia Bersama Pimpinan Kerajaan Perpaduan



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan pengunjung yang makan tengah hari di Medan Selera Cempaka di Johor Bahru semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Negeri Johor di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Oleh itu, Anwar berharap isu berkenaan tidak lagi diungkit khususnya oleh wakil-wakil masyarakat bukan Islam.

“Saya harap dengan penjelasan ini tidak akan berbangkit

kecurigaan dalam sistem pendidikan kita. Sebahagian tidak suka Islam diajar, sebahagian lagi gunakan Islam tetapi tidak dengan dasar ilmu,” katanya.